




4.0

PENUTUP



PENUTUP

Laporan Maklumat Guna Tanah Negara 2022 ini merupakan pelaporan statistik dan paparan peta guna tanah semasa tahun 2022 di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan yang merangkumi guna tanah utama iaitu tepu bina (perumahan, komersial, industri, institusi dan kemudahan masyarakat, infrastruktur dan utiliti, pengangkutan, tanah lapang dan rekreasi; dan tanah kosong) hutan, pertanian dan badan air (badan air dan pantai).

Penyediaan laporan ini adalah berasaskan Sistem Maklumat Guna Tanah Perancangan Bersepadu (I-Plan) dengan kerjasama PLANMalaysia Negeri dan pihak berkuasa tempatan. Laporan ini juga memaparkan perbandingan perubahan guna tanah dari tahun 2017 hingga 2022 yang boleh dijadikan panduan di dalam memantau perubahan guna tanah di masa akan datang.

Adalah diharapkan laporan ini dapat dijadikan rujukan kepada semua pihak berkepentingan untuk merancang pembangunan masa hadapan supaya dapat memenuhi keperluan masyarakat dan aspirasi negara.

